

BERITA HARIAN

DATE: 26 / 11 / 2007

Polis bertindak tegas demi keselamatan: PM

KAMPALA: Datuk Seri Abdulah Ahmad Badawi berkata, polis terpaksa bertegas dalam menyuraikan perhimpunan haram Barisan Bertindak Hak-Hak Hindu (Hindraf) di Kuala Lumpur untuk tujuan keselamatan awam.

Perdana Menteri berkata, keadaan seperti itu dengan mudahnya boleh menjadi kekejaman jika polis tidak mengambil tindakan yang perlu dalam menyuraikan kumpulan penunjuk perasaan itu.

“Saya dimaklumkan bahawa mereka melontar (batu dan batu bata) kepada polis dan kereta peronda dekat Batu Caves dan mereka juga merobohkan pintu kuil di Batu Caves,” katanya kepada wartawan pada ak-

hir Mesyuarat Ketua-Ketua Kerajaan Komanwel (CHOGM) selama tiga hari di sini, malam tadi.

Beliau berkata, jika polis tidak mengambil tindakan perlu untuk menyuraikan mereka, orang ramai akan menyalahkan polis kerana tidak melindunginya.

Bagaimanapun, polis tidak bertindak dengan ganas walaupun mereka diprovokasi.

Abdullah berkata, mereka yang menganjurkan demonstrasi jalanan nampaknya menguji kesabaran kerajaan.

“Jangan menyalahgunakan kebebasan yang diberikan kepada anda,” katanya sambil menambah mereka yang menyertai perhimpunan haram

itu tidak terlepas daripada hukuman.

Beliau berkata, dakwaan bahawa ada kaum tertentu dipinggirkan adalah tidak benar kerana terdapat orang miskin dan kaya di kalangan semua bangsa di Malaysia.

Katanya, jika kerajaan Barisan Nasional (BN) tidak membantu orang miskin ia mungkin sudah lama ditolak oleh rakyat.

“Dalam setiap masyarakat terdapat orang miskin dan kita melakukan yang terbaik untuk membantu komuniti India melalui MIC dan kita akan terus membantu mereka,” katanya.

Abdullah juga mempersoalkan niat Hindraf meneruskan demons-

“*Dalam setiap masyarakat terdapat orang miskin dan kita melakukan yang terbaik untuk membantu komuniti India melalui MIC”*

Abdullah Ahmad Badawi
Perdana Menteri

trasi itu walaupun polis memberikan amaran supaya jangan berbuat demikian.

“Jika anda mahu menyerahkan memorandum, ada cara lain untuk berbuat demikian,” katanya, sambil menambah bahawa tindakan boleh juga diambil terhadap kakitangan awam yang menyertai demonstrasi haram itu.

Beliau berkata demonstrasi itu menjejaskan perniagaan dan menyebabkan orang ramai termasuk pelancong menjauhi pusat bandar raya.

Abdullah juga menafikan dakwaan bahawa tidak ada demokrasi dan kebebasan media di Malaysia. - Bernama